
PENDAKWA RAYA
lwn.
PUNITHAN GANESAN

Mahkamah Tinggi Malaya, Seremban
Siti Mariam Othman PK
[Rayuan Jenayah No: 42B-23-12/2015]
6 Mac 2017

Kes-kes yang dirujuk:

Balachandran v. PP [2004] 2 MLRA 547; [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85;
[2005] 1 AMR 321 (refd)
Heng Aik Ren Thomas v. Public Prosecutor [1998] 3 SLR 465 (refd)
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2002] 2 MLRA 383; [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1
CLJ 734; [2003] 2 AMR 89 (refd)
Tan Kim Hoo v. Public Prosecutor & Another Appeal [2007] 2 MLRA 416; [2007]
6 CLJ 557; [2007] 5 AMR 557 (refd)

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, ss 180(1), 402A
Evidence Act 1950, s 114(g)
Penal Code, ss 302, 326

Kaunsel:

Bagi pihak perayu: Rahimah Abd Majid; Jabatan Peguam Negara
Bagi pihak responden: Norman Mohd Nasir (bersama dengan Mohd Zahid);
Tetuan Khairul Hanafi & Associates

[Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan.]

PENGHAKIMAN MAHKAMAH

Siti Mariam Othman PK:

[1] Punithan a/l Ganesan (tertuduh) telah dituduh dengan pertuduhan seperti berikut:

"Bahawa kamu telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian ke atas seorang lelaki bernama SIVABALAN A/L MARUTHIMUTHU (No K/P: 700604-04-5195) yang dikatakan telah dilakukan pada 19 September 2012 jam lebih kurang 11.00 malam di hadapan rumah No.166, Jalan Kelicap 7, Taman Bukit Tampin, Tampin di dalam Daerah Tampin, di dalam negeri, Negeri Sembilan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama."

[2] Pertuduhan telah dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh. Tertuduh



membuat pengakuan tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

[3] Pendakwaan telah memanggil 5 orang saksi seperti berikut:

- (i) Manigemalai a/p Sivabalan (SP1)
- (ii) S Harintharan a/l Sivabalan (SP2)
- (iii) L/Kpl 1442397 Mohammad Fadhil bin Azor (SP3)
- (iv) Insp Mohd Taufik bin Ahmad (SP4)
- (v) ASP Safari bin Sidik (SP5)

Kes Pendakwaan

[4] Menurut SP1 pada 19 September 2012 SP1 dan SP2 bersama dengan ibu tiri SP1 dan SP2 yang bernama Ananda Bala Saraswathi hendak pergi ke kedai. Di dalam perjalanan hendak ke kedai mereka telah berjumpa ayah mereka (simati). Mereka telah buat u-turn untuk balik ke rumah sebab kunci rumah mereka yang pegang. Mereka hendak beri kunci rumah kepada simati kerana simati telah menunggu di hadapan grill. Adik lelaki dengan emak tiri mereka telah pergi mendekati simati untuk bagi kunci rumah. Setelah memberi kunci dan emak tiri mereka telah bercakap dengan simati. Selepas bercakap dengan simati, emak tiri mereka menghala keluar balik. Menurut SP1 lagi, waktu itu telah datang sebuah kereta Exora warna silver telah berhenti di sebelah kereta mereka. Di belakang Exora itu terdapat sebuah motosikal. Terdapat 2 orang menunggang motosikal itu. SP1 melihat kedua-dua orang tersebut memegang parang. Pembonceng motosikal tersebut telah menghala kepada simati dan telah bertanya di mana Bala. Simati tidak menjawab soalan tersebut. Disebabkan ayah mereka tidak menjawab soalan tersebut, menurut SP1 lagi, orang itu telah potong tangan simati. Mula-mula di tangan dan selepas itu di leher simati. Yang seorang lagi datang mendekati simati. Simati telah terduduk. Kedua-dua orang yang menaiki motosikal tadi telah bergilir-gilir menetak dengan pedang samurai masing-masing. Selepas menetak simati mereka bergilir-gilir, kedua-dua orang tersebut telah menaiki motosikal dan meninggalkan rumah mereka.

[5] Ananda Bala Saraswathi telah membuat laporan polis (P4) di mana di dalam laporan polis tersebut telah menyatakan kejadian berlaku pada jam 11.00 malam.

[6] SP1 dalam keterangannya menyatakan simati ditetak di halaman depan rumah (Gambar eksibit P6C).

[7] Semasa kejadian, SP1 berumur 16 tahun dan kejadian adalah 4 tahun yang lalu sebelum perbicaraan. SP2 pula dalam keterangannya menyatakan pada malam 19 September 2012 pada jam lebih kurang 10.30 malam SP2 bersama kakak, adik lelaki, emak tiri, telah keluar dengan kereta untuk membeli makanan. Semasa dalam perjalanan mereka terserempak dengan simati. Emak



tiri SP2 beritahu kepada SP2 bahawa mereka kena beri kunci rumah kepada simati. Mereka telah buat u-turn balik kereta untuk balik ke rumah untuk bagi kunci. SP2 telah ikut emak tirinya untuk beri kunci kepada simati. Setelah beri kunci SP2 telah bercakap dengan simati. SP2 ikut emak tiri selepas itu SP2 patah balik ke kereta. Menurut SP2 ada sebuah kereta Exora telah park di hadapan kereta mereka. Pada ketika itu ada seorang keluar dari kereta Exora. Terdapat sebuah lagi motosikal ikut di belakang. Menurut SP2 lagi, ada 2 orang menaiki motosikal itu. Pembonceng motosikal telah bertanya kepada simati di mana Bala. SP2 nyatakan simati tidak menjawab pertanyaan tersebut. Orang itu telah menjerit kepada simati 'mana Bala'. Simati tidak menjawab. Emak SP2 telah balik ke kereta. Menurut SP2 lagi orang itu menghala ke simati. SP2 kemudian telah menuju ke rumah jirannya. Kedua-dua yang membawa motosikal itu telah menghala ke arah simati dan telah mula menetak simati. SP1 kemudiannya telah turun dari kereta dan berdiri di sebelah SP2. Setelah itu SP2 dan SP1 berdiri di sebelah rumah jiran, kedua-dua orang tersebut telah tetak simati.

[8] SP2 menyatakan semasa kejadian, SP2 berdiri di sebelah rumah jiran manakala SP1 kakaknya menyatakan dia berada di luar pintu pagar utama.

[9] Semasa kejadian SP2 berumur 12 tahun. SP2 dalam keterangannya menyatakan ibu tirinya telah serah kunci kepada simati pada jam lebih kurang 10.40 malam. SP2 tidak setuju kejadian serah berlaku pada jam 11.00 malam.

[10] Di bawah s 302 Kanun Keseksaan pihak pendakwaan perlu buktikan elemen-elemen berikut:

- (i) Bahawa Sivabalan a/l Maruthimuthu (simati) telah mati
- (ii) Bahawa simati telah mati akibat daripada kecederaan yang telah dilakukan oleh tertuduh.

Keputusan Di Akhir Kes Pendakwaan

[11] Seksyen 180(1) Kanun Acara Jenayah memperuntukkan di akhir kes pendakwaan, mahkamah hendaklah menimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh. Daripada otoriti (*Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2002] 2 MLRA 383; [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89, *Balachandran v. PP* [2004] 2 MLRA 547; [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85; [2005] 1 AMR 321) tahap pembuktian oleh pihak pendakwaan di akhir kes mereka adalah untuk membuktikan satu kes *prima facie*.

[12] Ujian yang perlu dipakai dalam menentukan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* dinyatakan seperti berikut:

"Mahkamah mesti membuat penilaian maksimum (penilaian positif - kes *Balachandran*, [*supra*] ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan bertanya kepada diri sendiri soalan: Jika saya memanggil tertuduh untuk membela diri dan tertuduh memilih



untuk berdiam diri adakah saya bersedia untuk mensabitkan tertuduh atas keterangan di hadapan saya sekarang. Jika jawapan adalah 'ya' maka satu kes *prima facie* telah dibuktikan dan pembelaan hendaklah dipanggil. Jika jawapan adalah 'tidak' maka satu kes *prima facie* tidak dibuktikan dan tertuduh hendaklah dibebaskan."

[13] Mahkamah ini akan membuat penilaian maksimum ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dalam menentukan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh pertama, tertuduh kedua bagi kesalahan yang dipertuduhkan.

[14] Mahkamah ini telah membuat penilaian maksimum ke atas semua keterangan saksi-saksi pendakwaan bagi menentukan kebolehpercayaan keterangan saksi-saksi pendakwaan.

[15] Elemen i:

Untuk elemen pertama adalah tidak dipertikaikan bahawa simati telah mati (laporan post mortem, eksibit P13). Keputusan bedah siasat, punca kematian adalah kecederaan 'multiple incised wound'

[16] Semasa SP5 sampai ke tempat kejadian, simati masih lagi hidup.

[17] Pihak pendakwaan telah membuktikan elemen pertama bahawa simati telah mati.

[18] Elemen ii:

Adakah kematian simati disebabkan oleh perbuatan tertuduh. Pihak pendakwaan telah menghujahkan bahawa keterangan saksi-saksi pendakwaan di akhir kes ini adalah konsisten dan tidak ada percanggahan di dalam keterangan saksi-saksi SP1 dan SP2 khususnya.

[19] Pendakwaan berhujah kedua-dua keterangan SP1 dan SP2 adalah konsisten di mana keterangan mereka adalah seperti berikut:

- (i) SP1 dan SP2 dalam perjalanan hendak pergi makan bersama ibu tiri dan adik tiri.
- (ii) Dalam perjalanan berjumpa dengan simati dan pulang semula ke rumah kerana hendak memberi kunci rumah pada simati
- (iii) Sampai di rumah satu kereta Exora dinaiki seorang lelaki dan satu motosikal dinaiki dua orang lelaki telah sampai di hadapan rumah.
- (iv) Dua lelaki menaiki motosikal telah turun motosikal dengan memegang pedang samurai dan pergi ke arah simati dan telah menetak simati.



(v) Simati telah ditetak di perkarangan rumah di hadapan pintu rumah dan telah menetak simati.

(vi) Simati telah jatuh dan telah dibawa ke Hospital Tampin di mana simati meninggal dunia.

[20] Pendakwaan juga menghujahkan bahawa SP1 dan SP2 juga telah dapat mengesahkan tertuduh ketika kawad cam dijalankan.

[21] Persoalan yang timbul adakah tertuduh yang melakukan tetakan ke atas simati dan menyebabkan kematian simati.

[22] Pihak pembelaan pula menghujahkan bahawa jika keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan dan eksibit-eksibit yang telah dikemukakan sebagai keterangan di mahkamah sepanjang kes pendakwaan dinilai secara 'maximum evaluation', keterangan saksi-saksi pendakwaan dan eksibit-eksibit yang dikemukakan tersebut gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh.

[23] Mahkamah ini telah meneliti dengan cermat keterangan SP1 dan SP2 dan juga keterangan saksi-saksi pendakwaan lain telah dinilai secara 'maximum evaluation'. Mahkamah ini dapati bahawa pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh.

[24] Mahkamah ini dapati pengecaman tertuduh oleh SP1 dan SP2 sebagai orang yang telah menyerang dan membunuh simati adalah diragui oleh mahkamah ini.

[25] Merujuk kepada kes *Tan Kim Hoo v. Public Prosecutor & Another Appeal* [2007] 2 MLRA 416; [2007] 6 CLJ 557; [2007] 5 AMR 557 di mana Mahkamah Rayuan telah menggunakan petikan dalam penghakiman Karthigesu JA dalam *Heng Aik Ren Thomas v. Public Prosecutor* [1998] 3 SLR 465 di ms 475 - 476:

"In adapting the Turnbull guidelines for our local system, we have reworked the Turnbull guidelines into the following three step test. The first question which a judge should ask when encountering a criminal case where there is identification evidence, is whether the case against the accused depends wholly or substantially on the correctness of the identification evidence which is alleged by the defence to be mistaken.

If so, the second question should be this, Is the identification evidence of good quality, taking into account the circumstances in which the identification by the witness was made? A non-exhaustive list of factors which could be considered include the length of time that the witness observed the accused, the distance at which the observation was made, the presence of obstruction in the way of the observation, the number of times the witness had seen the accused, the frequency



with which the witness saw the accused, the presence of any special reasons for the witness to remember the accused, the length of time which had elapsed between the original observation and the subsequent identification to the police and the presence of material discrepancies between the description of the accused as given by the witness and the actual appearance of the accused. In considering the circumstances in which the identification was made, the judge should take note of any specific weaknesses in the identification evidence. If after evaluation of the identification evidence, the judge is satisfied that the quality of the identification evidence is good, he may then go on to safely assess the value of the identification evidence.

Where the quality of the identification evidence is poor, the judge should go on to ask the third question. Is there any other evidence which goes to support the correctness of the identification? If the judge is unable to find other supporting evidence for the identification evidence, he should then be mindful that a conviction which relies on such poor identification evidence would be unsafe. The supporting evidence need not be corroborative evidence of the kind required in *R v. Baskerville* [1916] 2 KB 658. What the supporting evidence has to be is evidence that makes the judge sure that there was no mistake in the identification."

[26] Dalam kes ini satu-satunya keterangan yang mengaitkan tertuduh dengan perlakuan kesalahan ini adalah pengecaman yang dilakukan oleh SP1 dan SP2. Tertuduh tidak ditangkap semasa melakukan kesalahan. Tertuduh ditahan oleh pihak polis pada 12 September 2015 iaitu hampir 3 tahun selepas kejadian berlaku. Satu kawad cam telah diadakan dan SP1 dan SP2 telah mengecam tertuduh sebagai salah seorang suspek yang telah menyerang dan membunuh mangsa. Pihak pembelaan menghujahkan bahawa kes terhadap tertuduh bergantung keseluruhannya kepada betul atau tidak keterangan pengecaman oleh SP1 dan SP2 yang mana mahkamah ini ragui pengecaman yang dilakukan oleh SP1 dan SP2 selepas 3 tahun kejadian berlaku.

[27] Mahkamah ini tidak menerima pengecaman tertuduh oleh SP1 dan SP2 semasa kawad cam kerana tiada apa-apa sebab istimewa mengapa SP1 dan SP2 boleh mengingat tertuduh. SP1 dan SP2 gagal menyatakan dengan terperinci identiti suspek-suspek yang telah menyerang dan menetak simati. Berdasarkan keterangan SP1 dan SP2 tiada apa-apa pun dalam gambaran yang diberikan SP1 atau SP2 tersebut adalah sebab istimewa sehingga membolehkan SP1 atau SP2 mengingat rupa tertuduh. Berdasarkan keterangan SP1, semasa SP1 mengecam tertuduh dalam mahkamah, SP1 sendiri mengaku bahawa tertuduh berkulit cerah dan keterangan SP1 adalah bercanggah dengan keterangan awal SP1 yang menyatakan bahawa suspek-suspek berkulit gelap.

[28] Pihak pembelaan berhujah bahawa keterangan SP1 tersebut adalah satu pengakuan bahawa rupa fizikal badan tertuduh adalah berbeza daripada rupa fizikal lelaki-lelaki India yang didakwa dilihat oleh SP1 pada 19 September 2012. Oleh kerana tiada apa-apa sebab istimewa untuk SP1 mengingat rupa



lelaki-lelaki India tersebut, maka SP1 tidak dapat mengingat dengan jelas ciri-ciri rupa lelaki-lelaki India tersebut dan oleh itu terdapat kebarangkalian SP1 tersilap mengecam tertuduh sebagai salah seorang lelaki India berkulit gelap yang menyerang mangsa.

[29] SP1 juga menyatakan dia hanya melihat mangsa diserang selama 10 minit. SP1 turut bersetuju apabila disoal semasa pemeriksaan balas kejadian berlaku dengan amat pantas. SP2 juga turut bersetuju bahawa kejadian berlaku dengan amat pantas. Mahkamah ini dapati jawapan yang telah diberikan oleh SP1 adalah tidak konsisten dengan jawapan SP1 semasa disoal balas dan juga tidak konsisten dengan jawapan yang telah diberikan oleh SP2. Keterangan SP1 adalah tidak konsisten dengan SP2 tentang kejadian yang berlaku. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa SP1 dan SP2 sebenarnya tidak melihat kejadian tersebut dengan jelas kerana kedua-dua mereka berada dalam keadaan ketakutan yang amat sangat. Melihat kepada usia SP1 dan SP2 pada waktu kejadian tersebut, adalah mustahil bagi kedua-dua mereka untuk memberikan tumpuan penuh kepada wajah dan bentuk badan fizikal tertuduh apatah lagi untuk mengingat kejadian sebenar yang telah berlaku.

[30] Mahkamah ini telah meneliti dengan cermat keterangan kedua-dua SP1 dan SP2 dan dapati terdapat percanggahan yang ketara tentang kejadian yang berlaku pada malam 19 September 2012 tersebut.

[31] Tiada apa-apa keterangan untuk menunjukkan SP1 atau SP2 pernah melihat tertuduh sebelum kejadian mahupun selepas kejadian. Keterangan yang ada hanyalah menunjukkan SP1 dan SP2 hanya mengecam tertuduh melalui sesi kawad cam yang diadakan hampir 3 tahun selepas kejadian berlaku. SP1 bersetuju bahawa tiada sebarang photofit telah dilakukan oleh pihak polis bagi membantu SP1 atau SP2 untuk mengecam tertuduh. Terdapat kebarangkalian yang tinggi SP1 dan SP2 tersilap mengecam tertuduh sebagai salah seorang lelaki India yang telah menyerang dan membunuh simati pada 19 September 2012.

[32] Mahkamah ini juga mendapati kawad cam yang dilakukan ke atas tertuduh adalah tidak teratur. SP1 dan SP2 telah mengecam tertuduh dalam satu kawad cam yang dibuat pada 19 September 2015 iaitu hampir 3 tahun selepas kejadian. Pihak pembelaan telah menghujahkan bahawa pengecaman tertuduh semasa kawad cam tersebut juga adalah amat memprejudiskan tertuduh. Keterangan pegawai kawad cam iaitu SP4 dan juga laporan kawad cam P11 jelas menunjukkan bahawa pemilihan peserta kawad cam adalah tidak mematuhi Standard Operating Procedure PDRM (usia, bentuk fizikal badan, warna kulit dan sebagainya). Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan pembelaan bahawa terdapat kebarangkalian yang tinggi SP1 dan SP2 telah membuat pengecaman secara rambang kerana kawad cam hanya dilakukan selepas 3 tahun dan tanpa sebarang panduan berdasarkan photofit wajah suspek.

[33] Mahkamah ini dapati semasa SP1 memberikan keterangan di mahkamah, SP1 dan SP2 telah memberikan keterangan yang bercanggah antara satu sama



lain berhubung pengecaman tertuduh. SP1 dan SP2 gagal menyatakan sebarang maklumat spesifik bagi membantu proses pengecaman tertuduh yang telah menyerang dan membunuh simati. SP1 dan SP2 tidak pernah menyatakan bahawa tertuduh tersebut mempunyai sebarang tattoo pada mana-mana bahagian badan walaupun dalam keterangan mereka ada menyatakan bahawa tertuduh memakai baju T-shirt lengan pendek pada malam kejadian. Laporan kawad cam juga mengesahkan bahawa tiada sebarang 'remark' bahawa pengecaman tertuduh telah dibuat berdasarkan tattoo badan walaupun tertuduh jelas mempunyai tattoo pada tangan beliau.

[34] Mahkamah ini tidak ada keterangan sokongan lain yang dikemukakan oleh pendakwaan untuk membuktikan tertuduh adalah orang yang menyerang simati pada malam 19 September 2012.

[35] Mahkamah ini dapati keterangan SP1 dan SP2 adalah bercanggah antara satu sama lain dan percanggahan material ini menunjukkan SP1 dan SP2 bukanlah saksi yang kredibel dan pengecaman yang telah dilakukan oleh SP1 dan SP2 adalah tidak bermutu dan mahkamah ini tidak menerima keterangan SP1 dan SP2.

[36] Mahkamah ini dapati SP1 dan SP2 di dalam keterangan mereka di mahkamah telah berulang kali memberikan jawapan yang bercanggah antara satu sama lain dan tidak konsisten dengan fakta kejadian.

[37] Mahkamah ini juga dapati keterangan SP4 yang mana ianya jelas menimbulkan tanda tanya atau keraguan sama ada SP1 atau SP2 telah membuat satu pengecaman yang positif. (Rujuk keterangan SP4)

[38] Mahkamah ini menolak keterangan pengecaman tertuduh oleh SP1 dan SP2 tersebut.

[39] Mahkamah ini juga dapati kegagalan pihak pendakwaan memanggil Ananda Bala Saraswati a/p Manevan sebagai saksi, kerana Ananda Bala Saraswathi a/p Manevan tersebut merupakan satu-satunya saksi yang boleh menyokong keterangan SP1 dan SP2 sama ada tertuduh adalah salah seorang daripada lelaki India yang menyerang dan membunuh simati. Maka dengan kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil Ananda Bala Saraswathi a/p Manevan mahkamah ini menggunapakai anggapan bertentangan terhadap kes pendakwaan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 yang mahkamah ini anggap bahawa sekiranya Ananda Bala Saraswathi a/p Manevan tersebut dipanggil sebagai saksi pendakwaan, keterangan Ananda Bala Saraswathi a/p Manevan tersebut tidak akan memihak kepada kes pendakwaan.

[40] Mahkamah ini juga dapati tiada sebarang rekod dokumentari telah dikemukakan oleh SP5 bagi menunjukkan bahawa ada usaha yang bersungguh-sungguh telah dibuat untuk mengesan Ananda Bala Saraswathi a/p Manevan untuk dipanggil memberi keterangan.

Notis Alibi



[41] Pihak pembelaan telah memfailkan notis alibi (s 402A Kanun Acara Jenayah) di mana pembelaan alibi menimbulkan keraguan kes pendakwaan dan seterusnya pihak pendakwaan gagal mematahkan pembelaan alibi kes ini.

[42] Pembelaan telah berhujah bahawa apabila pihak pembelaan menerima dokumen dari pihak pendakwaan pada 29 Februari 2016, pihak pembelaan setelah meneliti semua dokumen tersebut dan hasil daripada keterangan berdasarkan dokumen yang diberi dan temu bual bersama tertuduh serta rakam percakapan tertuduh, pihak pembelaan membuat keputusan untuk menyerahkan satu notis alibi di bawah s 402A Kanun Prosedur Jenayah.

[43] Setelah pihak polis menjalankan siasatan berdasarkan notis alibi yang diterima, tertuduh pada 7 Jun 2016 telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Pilah atas pertuduhan s 326 Kanun Keseksaan.

[44] Pertuduhan terhadap tertuduh di Mahkamah Sesyen Kuala Pilah adalah seperti berikut:

"Bahawa kamu bersama 2 orang masih bebas pada 19 September 2012 antara jam 10.40 malam hingga jam lebih kurang 11.20 malam, di Hospital Tampin, di dalam Daerah Tampin, di dalam negeri Negeri Sembilan telah dengan sengaja menyebabkan cedera parah kepada penama Palanivelu a/l Subramaniam, KP: 680122-04-5103 dengan menggunakan sebilah parang panjang. Oleh itu kami telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 326 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s 34 Kanun yang sama."

[45] Beban pembuktian alibi adalah cukup dengan menimbulkan keraguan terhadap kes pembelaan dan pihak pendakwaan gagal mematahkan pembelaan alibi pihak pembelaan.

[46] Pembelaan bahawa Notis Alibi yang dikemukakan kepada mahkamah iaitu eksibit P5 mahkamah ini dapati telah menimbulkan keraguan kepada kes pendakwaan malahan telah disokong dengan bukti yang kukuh dalam notis alibi yang dikemukakan sepanjang perbicaraan.

[47] Pihak pembelaan seterusnya berhujah bahawa keterangan saksi-saksi pendakwaan yang menyokong Notis Alibi pembelaan adalah seperti berikut:

i. SP3 Jurugambar:

Ketika disoalbalas satu soalan sahaja dari pihak pembelaan mengesahkan terdapat satu lagi kejadian gaduh pada malam 9 September 2012 di Hospital Tampin.

ii. SP4 Inspektor Taufik, Pegawai Kawad Cam:

Ketika disoal balas SP4 mengakui berdasarkan eksibit P11 dan D12 terdapat dua laporan kawad cam berbeza tetapi OKT yang sama, kejadian tempat berbeza tetapi masa yang sama.



iii. SP5 ASP Safari, Pegawai Penyiasat:

Ketika di soal semasa pemeriksaan utama, mengakui pada malam tersebut terdapat dua kejadian jenayah yang berbeza iaitu satu kejadian bunuh di Jalan Kelicap 7 dan satu lagi kejadian gaduh di hadapan Hospital Tampin.

[48] Semasa di soal balas oleh peguambela dengan merujuk kertas pertuduhan kes s 326 KK, SP5 iaitu Pegawai Penyiasat bersetuju OKT mungkin berada di Hospital Tampin pada jam 10.50 malam, jam 11.00 malam dan jam 11.10 malam. Keterangan SP5 ini mengesahkan notis alibi pembelaan adalah benar. Mahkamah ini dapati notis alibi tersebut adalah kredibel.

[49] Berdasarkan kepada kronologi yang dikemukakan oleh pihak pembelaan dalam kes ini, Notis Alibi telah diberikan 4 bulan sebelum perbicaraan kes ini. Dalam tempoh tersebut siasatan yang dilakukan tidak dapat mematahkan alibi pihak pembelaan dan mahkamah ini bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa pihak polis selepas menjalankan siasatan mereka, pihak polis kemudiannya mendakwa tertuduh dengan tuduhan berbeza dan masa yang sama dengan pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Atas alasan tersebut, mahkamah ini menerima Notis Alibi yang dikemukakan oleh pihak pembelaan.

[50] Mahkamah ini dapati pihak pendakwaan telah gagal mematahkan alibi tertuduh dari saksi alibi yang dikemukakan ketika soal balas oleh pihak pembelaan. Pihak pendakwaan tidak dapat mencabar keterangan notis alibi yang diberikan sepanjang perbicaraan sebaliknya telah disokong dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan.

[51] Mahkamah ini dapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* kerana notis alibi tersebut telah menimbulkan keraguan yang besar kepada keseluruhan kes pendakwaan.

[52] Mahkamah ini telah membuat penilaian maksimum ke atas semua keterangan saksi-saksi pendakwaan dan dapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* di peringkat pendakwaan dan mahkamah ini tidak bersedia dan adalah tidak selamat untuk mahkamah ini mensabitkan tertuduh jika mahkamah ini memanggil tertuduh untuk membela diri dan tertuduh memilih untuk berdiam diri.

[52] Berdasarkan alasan-alasan di atas, tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri.

